

Uchapan Y.B. Tan Sri Fatimah binte  
Haji Hashim, Menteri Kebajikan 'Am  
Malaysia dalam Upachara Merasmikan  
Bangunan Tambahan Rumah Orang2 Tua  
Sukarela, Mahsan, Kuala Pilah pada  
Hari Khamis, 1hb. Jun, 1972 jam 11.45 pagi

Y.B. Tuan Pengurus,  
Y.M. Tuan Pegawai Daerah, Kuala Pilah,  
Tuan2 dan Puan2 sekalian,

Saya menguchapkan terima kaseh yang tidak terhingga kepada Jawatankuasa Majlis Pusat Kebajikan Daerah Kuala Pilah kerana memberi kesempatan kapada saya untuk merasmikan pembukaan bangunan tambahan Rumah Orang2 Tua Mahsan. Melalui Kementerian saya tuan2 dan puan2 telah pun menerima bantuan sa-banyak \$18,000/- untuk membaikki dan membesarkan lagi Rumah Orang2 Tua ini. Dengan adanya sa-buah Rumah Orang2 Tua yang telah di-perbesarkan ini, tuan2 telah pun dapat menchantumkan dua buah Rumah menjadi satu. Pada pendapat saya, ini-lah sa-baik2 langkah yang telah di-ambil oleh Jawatankuasa Majlis Pusat Kebajikan Daerah Kuala Pilah. Tiap2 Daerah sepututnya mempunyai tidak lebeh daripada sa-buah Rumah supaya segala kemampuan kita dapat kita tumpukan kepada kebijikan penghuni2 yang tinggal di-dalam-nya.

Bangunan baharu yang telah di-dirikan serta kemudahan2 moden yang di-sediakan untuk penghuni2 di-sini ada-lah satu chara bagi meninggikan taraf layanan yang di-beri kapada penghuni2 dari sa-masa ka-samasa. Saya harap taraf layanan ini akan dapat di-perbaikki lagi pada masa hadapan. Saya ingin melihat supaya Rumah ini menyediakan kemudahan masakan bersama ia-ini di-adakan tukang masak sama ada di-gaji atau pun terdiri daripada penghuni2 yang bekerja bergilir2 memasak makanan bersama untuk sama2 makan. Saya rasa dengan chara begini kebersehan Rumah ini akan dapat di-pelihara.

Untuk kebersehan juga, saya berharap, Badan2 Sukarela seperti kelab2 belia dan murid2 sekolah dapat menghulorkan tenaga bakti bergilir2 menolong membersehkan bangunan dan kawasan Rumah ini. Pakaian2 penghuni, alat2 tidor seperti kelambu, chadar dan selimut patutlah di-chuchi oleh mana2 pehak yang ingin membuat jasa kepada orang2 tua yang tidak larat lagi menchuchi pakaian dan alat2 kegunaan mereka sendiri. Besar-lah harapan saya agar Jawatankuasa Majlis Pusat Kebajikan Daerah Kuala Pilah dapat berakhtiar supaya kerja2 ini dapat di-laksanakan.

Majlis Pusat Kebajikan Daerah Kuala Pilah telah pun menghulorkan bantuan sa-banyak \$20/- sa-bulan kepada tiap2 penghuni. Saya berharap ahli2 dermawan saperti towkay2 kedai, penjual2 sayor dan lain2 lagi akan dapat menghulorkan bantuan sama ada wang ringgit mahu pun barang2 makan untok menokok bantuan yang telah di-beri oleh Majlis Pusat Kebajikan. Dengan jalan ini dapat-lah kita meninggikan taraf hidup orang2 tua yang tinggal di-sini.

Saya menguchapkan sa-tinggi2 tahniah kapada Jawatankuasa Majlis Pusat Kebajikan Daerah Kuala Pilah yang telah begitu lama menyenggarakan Rumah ini dan saya berharap jasa baik mereka akan dapat di-kekalkan dan di-lipat gandakan lagi untok kebajikan orang2 tua yang tinggal dalam Rumah ini. Tuhan sahaja yang akan membalas budi baik tuan2 dan puan2 sekelian yang telah sanggup mengorbankan masa dan tenaga dan wang ringgit kerana faedah mereka.

Dengan ini saya dengan sukachita-nya merasmikan pembukaan bangunan tambahan Rumah Orang2 Tua Mahsan.